

CNS4869

R GB 01-08 00195 BC550

BAH

Mahathir - Wawasan

JANGAN LUPA DARATAN BILA NEGARA SUDAH MAJU, KATA PM

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Ogos (Bernama) -- Rakyat jangan sekali-kali lupa daratan sehingga mengetepikan adat yang mulia dan moral yang tinggi apabila matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menerusi Wawasan 2020 tercapai kelak, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, matlamat wawasan itu bukan sekadar menjadikan Malaysia sebuah negara yang kaya daripada segi kebendaan malah rakyatnya turut kaya dengan ilmu, daya intelektual yang tinggi dan tidak bergantung kepada orang lain dalam menentukan corak dan masa depan negara.

"Bila matlamat itu tercapai, rakyat Malaysia mestilah sentiasa bersikap rendah diri, tidak sombong atau angkuh dan bertanggungjawab terhadap keluarga, masyarakat dan negara," kata Dr Mahathir ketika berucap pada majlis makan malam dengan rakyat Malaysia di Brunei, di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Datuk Haji Mustaffa Mohammad, di sini malam ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud. Perdana Menteri tiba di sini petang tadi untuk memulakan lawatan selama tiga hari ke Brunei. -- lagi

▼01/08/23-56MS*

CNS4871

R GB 02-08 00169 BC551

BAH

Mahathir - Wawasan 2 Bandar Seri Begawan

Dr Mahathir berkata, kemajuan yang ingin dicapai Malaysia menerusi wawasan itu bukan seperti kemajuan yang sedang dinikmati sesetengah negara maju sekarang, yang gejala keruntuhan akhlakanya menjadi-jadi.

"Kita tidak mahu contohi negara-negara maju yang ada sekarang," katanya dan menambah bahawa tanggungjawab menjayakan wawasan itu tidak hanya terletak pada bahu rakyat Malaysia yang berada di tanahair, bahkan menjadi tanggungjawab semua warganegara, tidak kira di negara mana mereka berada.

Katanya, walaupun hasil daripada usaha itu mungkin tidak sempat dinikmati golongan tua sekarang, ia adalah peninggalan untuk anak cucu agar mereka menjadi rakyat yang dihormati.

Mengenai rakyat Malaysia di luar negara, Perdana Menteri menggesa mereka supaya sentiasa mengekalkan semangat kebangsaan dan menjaga nama baik negara agar Malaysia tidak dipandang rendah.

"Rakyat Malaysia yang tinggal di negara-negara lain hendaklah bertindak sebagai duta tidak rasmi negara dengan sentiasa bersatu padu dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan yang boleh meninggalkan kesan buruk kepada negara," katanya. -- lagi

▼02/08/00-00MS*

Mahathir - Wawasan 3 (Akhir) Bandar Seri Begawan

Mengenai kedudukan dalam negeri pula, Dr Mahathir berkata, keharmonian kaum yang sedang dinikmati Malaysia sekarang membantu mempercepatkan lagi pencapaian pembangunan sebagai mengisi kemerdekaan.

"Alhamdulillah, menerusi proses demokrasi yang kita amalkan, kita berjaya membentuk suatu jentera pentadbiran yang cekap dan mencapai tahap pembangunan yang membanggakan sehingga dijadikan negara contoh oleh negara-negara membangun yang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, selain bebas daripada tekanan kuasa-kuasa luar, rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum juga bebas bergerak tanpa rasa takut atau curiga antara satu sama lain, tidak seperti yang dialami oleh sesetengah negara seperti Bosnia-Hazergovina.

Pada majlis itu, Dr Mahathir telah dihadiahkan kek seberat 30 paun sempena hari jadinya ke-67 yang telah berlalu oleh Jawatankuasa Warga Malaysia di Brunei.

Warganegara Malaysia yang tinggal di Brunei sekarang berjumlah lebih 25,000 orang atau kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan penduduk negara ini. -- Bernama

AM ZU

▼02/08/00-03MST